



Dr Sabzali dan Rusmawati (kanan) menunjukkan **sijil kemenangan iCompEx.**

Kraf tangan daripada

# sisik ikan

Oleh Harris Rajahdin  
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**engalaman menyaksikan anaknya tercekik sisik ikan jenahak menjadi inspirasi buat pelajar doktor falsafah (PhD), Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Rusmawati Ghazali untuk mendalami seni kraf tangan sisik yang kini menjadi bidang kajiannya sejak sembilan tahun lalu.

Rusmawati, anak didik pensyarah Akademi Pengajian Melayu (APM) UM, Dr Sabzali

M K begitu terkesan dengan insiden itu sehingga mula obses terhadap sisik ikan yang kini berpotensi menjana pendapatan lumayan dalam industri kraf tangan tempatan.

“Saya mula menceburi bidang ini selepas insiden anak saya termakan sisik ikan jengahak sehingga tercekik ketika menyiang ikan tersebut kira-kira sembilan tahun lalu.

“Sejak itu, saya mula memerhatikan sisik ikan secara dekat dan mendapati struktur mereka cukup menarik dari segi estetik.

“Dengan latar belakang saya dalam bidang seni reka tekstil, saya mula melakukan eks-

perimen terhadap sisik ikan dengan mencampurkan pelbagai jenis pewarna fabrik pada sisik ikan untuk melihat kesannya sama ada warna itu boleh kekal atau tidak pada permukaannya,” katanya.

## Campur pewangi

Selain itu, beliau turut melakukan beberapa eksperimentasi dengan mencampurkan pewangi daripada bahan semula jadi ke atasnya dan terbukti kedua-duanya mampu melekat pada permukaan sisik ikan.

Daripada situ, Rusmawati mendapat idea untuk menggunakan sisik ikan sebagai bahan untuk membuat hasil seni seperti barangan

kraf dan catan.

Dr Sabzali berkata, penyelidikan mengenai sisik ikan adalah satu bidang yang jarang diterokai dan berpotensi bagi menjana industri kraf tangan desa berikutan proses pembersihan sisik ikan yang menghasilkan bahan terbangun.

“Bidang penyelidikan sisik ikan ini jarang dilakukan oleh orang ramai. Justeru, kumpulan penyelidik kami mengambil inisiatif untuk mengetengahkan keunikan sisik ikan sebagai satu bahan dalam penghasilan produk kreatif di Malaysia seperti pembuatan kraf tangan,” katanya yang memiliki latar belakang dalam seni visual.



**BIDANG PENYELIDIKAN SISIK IKAN INI JARANG DILAKUKAN OLEH ORANG RAMAI. KUMPULAN PENYELIDIK KAMI MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENGETENGAHKAN**



dalam seni visual.

Kajian bersama-sama penyelidik lain, Jaffri Hanafi, Rainal Hidayat Wardi, Mohd.Firdaus Ramli dan Maithreyi Subramanium membuah hasil menerusi kejayaan mereka memenangi pingat emas dalam pertandingan Innovation and Invention Competition through Exhibition (iCompEx) yang diadakan di Jitra Kedah, baru-baru ini.

**Gubahan bunga  
sisik ikan.**

**PENGHANTARAN  
KEUNIKAN SISIK  
IKAN SEBAGAI  
SATU BAHAN  
DALAM PENGHA-  
SILAN PRODUK  
KREATIF  
DI MALAYSIA"**

**Rusmawati Ghazali,**  
Pelajar UM

